



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN SEJAK 2002

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI



SUKU TAHUN (1/2024)



KAUNTER BERGERAK MPT DI PEJABAT PENGHULU TRONG

6 Januari 2024 - Sekitar suasana Kaunter Bergerak Majlis Perbandaran Taiping (MPT) di Pejabat Penghulu Trong. Kaunter dibuka bermula 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bermula hari ini sehingga esok. Antara perkhidmatan disediakan adalah bayaran Bil Cukai Taksiran, Kompaun, Sewaan Gerai MPT dan Aduan Awam.

Pembayaran Bil Cukai Taksiran secara setahun tanpa tunggakan berpeluang memenangi hadiah berupa sebuah Tablet dan 18 unit Telefon Pintar sempena Program Insentif Cukai Taksiran 2023 (PICI2023) yang bermula 1 Januari 2024 hingga 28 Februari 2024.



MAJLIS PELANCARAN PAKEJ RAIL TOURISM SEMPERNA TAHUN MELAWAT PERAK 2024 LAMAN BUDAYA GALERI PERBANDARAN TAIPING.

12 Januari 2024 - Pelancaran ini telah disempurnakan oleh YB Encik Loh Sze Yee, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak bersama Encik Mohd Zain Mat Taha, Ketua Pegawai Operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mewakili YBhg. Datuk Rani Hisham Samsudin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Keretapi Tanah Melayu (KTMB).

Pakej Rail Tourism ini merupakan produk terbaru yang dibangunkan Tourism Perak dengan kerjasama pihak KTMB yang berperanan sebagai mod alternatif bagi menarik pelancong meneroka negeri Perak dengan menaiki keretapi. Pemilihan Taiping sebagai lokasi pelancaran Pakej Rail Tourism ini adalah atas signifikasikan landasan keretapi yang pertama di Malaysia terletak di Taiping, iaitu landasan keretapi Port Weld (Kuala Sepetang).



MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-150 BANDAR TAIPING (1874-2024)

20 Januari 2024 - Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun 150 Bandar Taiping yang disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan; Dato' Seri Saarani bin Mohammad.

Hadir sama YABhg. Datin Seri Aezer binti Zubin; YB Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, Dato' Mohamad Zahir bin Abdul Khalid; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin; YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; YB Ahli Parlimen Taiping, Tuan Wong Kah Woh; YBrs. Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama, Encik Nasrul bin Menhat; YBrs. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, Encik Khairul Amir bin Mohamad Zubir serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan.

Pelbagai acara telah diadakan antaranya ialah;

Pameran Basikal Klasik

Persembahan Kugiran MPT

Larian Santai 5KM

Persembahan Tarian Api

Pertandingan Juara Kumpulan Pemuzik (Buskers)

Persembahan Kebudayaan daripada Kumpulan Selendang Perak

Persembahan Kebudayaan daripada pelajar sekolah sekitar Daerah Larut Matang & Selama

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KOMUNITI HIJAU 2023

28 Februari 2024 - YBrs. Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Komuniti Hijau 2023 (AKH MPT 2023) bertempat di Dewan Teratai, Penthouse, Wisma Perbandaran Taiping.

Anugerah ini terbahagi kepada lima (5) anugerah iaitu:-

- Anugerah Landskap Rumah Persendirian MPT 2023
- Anugerah Tandas Bersih, Menawan dan Wangi (BMW)
 - Anugerah Lanskap Taman Perumahan
- Anugerah Lanskap Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah
- Anugerah Lanskap Bangunan Kerajaan Dan Syarikat Berkaitan Milik Kerajaan (GLC)

Dalam ucapannya, Yang Dipertua berkata dalam penghasilan landskap yang hebat dapat menyumbang kehidupan yang konklusif dan lestari kepada penghuninya. Melalui penganjuran anugerah ini, kita dapat melihat kesungguhan komuniti dalam melaksanakan aktiviti gotong royong dan keceriaan taman. Di samping itu, aktiviti ini juga menyemarakkan semangat perpaduan dan integrasi sosial di kalangan komuniti setempat. Jumlah hadiah wang tunai yang diperuntukkan adalah sebanyak RM 20,600.00. Setiap penyertaan dinilai oleh panel hakim dari segi kreativiti, kepelbagaian tanaman, elemen-elemen landskap, penyelenggaraan dan kebersihan.



150 MURID DAN PELAJAR SEKOLAH TERIMA BANTUAN JOM KEMBALI KE SEKOLAH MPT 2024

11 Mac 2024 - Dalam usaha membantu mengurangkan beban keluarga yang kurang berkemampuan, Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah mengedarkan kit bantuan kepada 150 orang murid dan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah daripada 62 keluarga yang berdaftar dalam sistem E-Kasih sempena Program Bantuan Jom Kembali ke Sekolah MPT 2024.

Bantuan ini merupakan sebahagian usaha daripada pihak Majlis dalam membantu meringankan beban ibu bapa serta menyemarakkan lagi semangat murid dan pelajar agar lebih rajin belajar.

Pihak Majlis juga komited membantu golongan-golongan ini dengan mengadakan lawatan pemantauan ke rumah peserta E-Kasih untuk proses pemutihan setiap bulan dan seterusnya melaksanakan pembentangan dalam Mesyuarat Focus Individual Countdown (FIC) peringkat daerah Larut Matang dan Selama untuk pelarasan bantuan.



LAWATAN KERJA PEMANTAUAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) KE MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG, SELANGOR .

6 Februari 2024 - Majlis Perbandaran Taiping yang diketuai oleh Tuan Roslee bin Ahmad Rafie, Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan bersama

pegawai-pegawai daripada, Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan, Jabatan Perkhidmatan Bandar & Kesihatan, Jabatan Kejuruteraan, Bahagian Undang-Undang, Bahagian Penguatkuasa & Keselamatan, dan Bahagian Korporat, Perhubungan Awam & Pelancongan, MPT telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Selayang Selangor bagi mempelajari berkaitan Garis Panduan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dalam usaha membentasi isu pembuangan sampah haram yang semakin berleluasa.

Sesi taklimat dan perkongsian ilmu berkaitan garis panduan, impak dan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Selayang telah disampaikan oleh Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, MP Selayang.



MAJLIS UPACARA MENGANGKAT SUMPAH DAN MENERIMA JAWATAN SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN TAIPING BAGI TEMPOH 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026

23 March 2024 - Seramai 22 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah dan menerima jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping di Dewan Teratai, Penthouse, Wisma Perbandaran MPT. Tempoh lantikan Ahli Majlis ini bermula dari 16 Mac 2024 hingga 15 Mac 2026.

Upacara mengangkat sumpah dan menerima jawatan sebagai Ahli Majlis, MPT didahului dengan YBrs. Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping dan diikuti oleh 21 lagi Ahli Majlis yang lain.

Majlis angkat sumpah ini disaksikan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, YB Dato Mohamad Zahir bin Abdul Khalid. Hadir bersama adalah Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, merangkap ADUN Aulong, YB Teh Kok Lim, ADUN Pokok Assam, YB Ong Seng Guan dan Setiausaha Perbandaran, YBrs. Tuan Haji Khairul Anwar bin Hashim, serta Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian MPT.

Tahniah diucapkan kepada 22 orang Ahli Majlis yang telah dilantik. Semoga pelantikan ini akan menjadi penghubung antara MPT dan masyarakat Taiping serta meneruskan kecemerlangan MPT sebagai antara Pihak Berkuasa Tempatan Terbaik di Malaysia.



MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGOMPOSAN SISA MAKANAN PLAZA PERBANDARAN TAIPING

29 Mac 2024 - Majlis Perasmian Pusat Pengomposan Sisa Makanan Plaza Perbandaran Taiping telah diadakan bertempat di Plaza Perbandaran Taiping. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YB Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Negeri Perak merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Aulong.

Sebuah mesin pengompos berkapasiti 300 liter telah disediakan di pusat pengomposan terbabit sebagai inisiatif MPT bagi mengurangkan jumlah penajaan sampah yang akan dilupuskan di tapak pelupusan sampah Matang. Sejumlah RM 317,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Perak bagi memperolehi mesin pengompos yang dibangunkan oleh syarikat Mentari Alam Eko Sdn Bhd (MAEKO) tersebut. Inisiatif ini adalah merupakan hasil cetusan idea YB Teh Kok Lim sendiri bagi memelihara alam sekitar daripada pencemaran yang berlaku akibat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh manusia khususnya penduduk bandar Taiping ini.

Pelaksanaan inisiatif pengomposan ini adalah sejajar dengan Pelan Perak Sejahtera 2030 yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Perak di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak yang mensasarkan kesejahteraan rakyat Perak baik dari segi sosial, ekonomi dan politik. Ia juga berupaya untuk menyumbang kepada pencapaian beberapa Matlamat Pembangunan Mampan yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu

Matlamat 11 - Bandar dan Masyarakat Mampan,
Matlamat 12 - Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab serta
Matlamat 13 - Tindakan Terhadap Iklim.




Diterbitkan oleh : Bahagian Kualiti
Editor : Tuan Haji Norazlani b.Hamadudin
Urusetia : Cik Nazurah bt.Mohsim Arshad
Cik Puteri Fazira Syawati
Pautan : <http://www.mptaiping.gov.my>



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING RAH ANUGERAH EMAS DI ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) 2023

29 Februari 2024- Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah menerima Anugerah EMAS sempena Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023.



Majlis AIGA anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) yang berlangsung malam ini telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II mewakili YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara; YBhg. Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; YBhg. Datuk Awang Alik Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (IKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM); dan YBhg. Datuk Nor Yahati Awang, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia.

Institut Integriti Malaysia telah menerima sebanyak 154 penyertaan terdiri daripada 95 agensi awam dan 59 swasta dari organisasi di seluruh negara. Dari jumlah ini, hanya sebanyak 92 organisasi terpilih untuk menerima Anugerah AIGA 2023 yang merangkumi 46 Anugerah Emas, 33 Anugerah Perak dan 48 Anugerah Gangsa.

Anugerah ini merupakan satu anugerah yang dibangunkan oleh IIM bertujuan untuk mengiktiraf dan menghargai organisasi sektor awam dan swasta yang telah menzahirkan komitmen dan usaha dalam pembudayaan dan pengamalan integriti serta tata kelola terbaik.

Anugerah ini juga memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada MPT dalam menzahirkan pembudayaan amalan integriti, governans dan antirasuah yang lebih cekap selain menunjukkan keupayaan, kemampuan, komitmen dan kesungguhan pihak MPT dalam usaha pelaksanaan sistem kawalan pengurusan risiko dan pencegahan rasuah.

